

Siri Pejuang Bangsa

*Tun Hussein Onn
dan
Tun Dr. Mahathir Mohamad*

AZALINA MOKHTAR



PINTAR FIRUS SDN. BHD.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan - dalam - Penerbitan

Azalina Mokhtar

Tun Hussein Onn dan Tun Dr. Mahathir Mohamad / Azalina Mokhtar.

(Siri pejuang bangsa)

ISBN 983-2673-36-4 (set)

ISBN 983-2673-38-0

1. Hussein Onn, Tun, 1922-1990
 2. Mahathir bin Mohamad, Tun, 1925.
 3. Prime ministers -- Malaysia -- Biography.
 4. Malaysia -- Politics and government -- History. I. Judul. II. Siri.
959. 5950922

© PINTAR FIRUS SDN. BHD.
CETAKAN PERTAMA 2004

AMARAN ATAS HAKCIPTA

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, penggambaran ataupun sebaliknya tanpa izin yang bertulis terlebih dahulu daripada pihak PINTAR FIRUS SDN. BHD.

31 MAR 2005

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

M
499.2386

AZA ✓

APB

01167975



Tun Hussein Onn

*T*un Hussein bin Onn dilahirkan di Johor Bahru pada 12 Februari 1922. Beliau ialah anakanda kepada Dato' Onn bin Jaafar yang memimpin ke arah penubuhan UMNO. Beliau sendiri juga merupakan salah seorang pengasas UMNO. Tun Hussein mempunyai lapan orang adik-beradik dan beliau ialah anak sulung. Beliau berkahwin dengan Tun Suhaila Tan Sri Mohd. Koah dan mempunyai enam orang anak.

Beliau mendapat didikan awal di Singapura dan pelajaran menengahnya di English College, Johor Bahru. Malangnya pendidikan Tun Hussein Onn tidak dapat diteruskan selepas tamat Senior Cambridge kerana meletusnya Perang Dunia kedua.

Beliau dibesarkan dalam suasana dunia yang berada di **ambang** Perang Dunia Kedua. Keadaan ini mendorongnya membuat keputusan untuk menjadi seorang tentera.

Tun Hussein pernah berkhidmat sebagai kadet dalam Pasukan Timbalan Setia Negeri Johor. Beliau kemudiannya memasuki Maktab Tentera British di Dehra, India dan menerima **tauliah** pada tahun 1942. Selepas itu beliau menyertai Regimen Hyderabad ke-19 di India.

Bermula dari tahun tersebut, Tun Hussein terlibat secara aktif dalam peperangan di Mesir, Syria, Palestin dan Iraq. Apabila Perang Dunia Kedua meletus di rantau Asia, beliau ditempatkan di Bahagian Perisik Tentera di markas tentera, New Delhi. Beliau kemudiannya dilantik sebagai jurulatih untuk melatih para pejuang bawah tanah Malaya menentang Jepun yang menawan Malaya. Dari Madras beliau merancang dan menggerakkan **operasi** perang gerila terhadap Jepun.

Apabila Perang Dunia Kedua tamat, Tun Hussein pulang ke tanah air dan dilantik sebagai Komandan Polis Johor Bahru. Beliau kemudiannya bersara daripada perkhidmatan ketenteraan dengan berpangkat kapten, satu pencapaian yang cukup cemerlang.

Tun Hussein menyertai ayahandanya dalam bidang politik. Apabila UMNO ditubuhkan, beliau telah diberi tugas sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO yang pertama pada usia 28 tahun. Pada tahun 1950 beliau dilantik sebagai Setiausaha Agung UMNO dan bertugas sepenuh masa. Beliau juga dilantik menjadi Ahli Majlis Undangan Negeri Johor dan Majlis Undangan Persekutuan. Semasa darurat, beliau dilantik menjadi Pegawai Penjaga Pasukan Kawalan Kampung di Johor.

Tun Hussein kemudiannya menyertai ayahandanya keluar dari UMNO kerana tercetusnya krisis dalam parti pada tahun 1951 dan menubuhkan parti baru, iaitu Independent of Malaya Party (IMP). Malangnya parti itu tidak mendapat sambutan. Beliau meninggalkan alam politik lalu melanjutkan pelajarannya dalam


bidang undang-undang di Lincoln's Inn, England dan lulus pada tahun 1958.

Sekembalinya ke tanah air beliau membuka firma guamannya sendiri di Kuala Lumpur. Pada tahun 1968, atas desakan Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn kembali menyertai UMNO. Setahun kemudian, beliau dilantik sebagai Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO. Beliau telah memenangi pilihan raya umum di kawasan parlimen Johor Bahru Timur.

Penyertaan Tun Hussein Onn dalam kabinet Malaysia bermula pada September 1970 apabila beliau dilantik menjadi Menteri Pelajaran oleh Perdana Menteri Tun Razak. Dalam UMNO beliau dipilih sebagai Naib Presiden pada tahun 1972 dan kemudiannya dilantik sebagai pemangku Timbalan Presiden pada 1973 oleh Majlis Tertinggi UMNO berikutan kematian Tun Dr. Ismail.

Tun Hussein Onn telah melahirkan gagasan awal Penubuhan Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM) semasa beliau menjawat jawatan sebagai Menteri Pelajaran Malaysia pada tahun 1972. Tun Hussein Onn telah menandatangani Pernyataan Bersama bersama-sama Bapak Mashuri S.H., Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia pada 23 Mei 1972, di Jakarta, Indonesia. Hasil daripada pernyataan tersebut, maka lahirlah sebuah majlis bahasa yang dinamai Majlis Bahasa Indonesia - Malaysia (MBIM) yang memainkan peranan memajukan bahasa Melayu di kedua-dua buah negara. Majlis ini kemudiannya dinamakan Majlis Bahasa Brunei Darussalam - Indonesia - Malaysia (MABBIM), apabila Negara Brunei Darussalam menganggotai majlis ini pada 4 November 1985.

Tun Hussein bin Dato' Onn maju setapak lagi apabila dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun 1972, beliau menjadi salah seorang daripada tiga orang Naib Presiden yang dipilih. Dalam mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO pada 8 Ogos 1973, Tun Hussein bin Dato' Onn dilantik menjadi Timbalan Presiden UMNO berikutan kematian Tun Dr. Ismail.



Pada 13 Ogos 1973 beliau dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan memegang portfolio Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri Malaysia yang ketiga menggantikan Tun Abdul Razak yang kembali ke Rahmatullah pada 14 Januari 1976. Beliau telah mengumumkan satu kabinet baru yang agak memeranjatkan. Peluang-peluang yang luas diberi kepada tokoh-tokoh muda dalam UMNO untuk memegang jawatan-jawatan penting. Beliau memilih Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai timbalannya.

Ketika menjadi Perdana Menteri, beliau telah meneruskan agenda pembangunan yang telah digariskan oleh Tun Abdul Razak khususnya dalam menggerakkan "Dasar Ekonomi Baru".

Sebagai seorang perwira, beliau mahir dalam hal ehwal keselamatan. Di bawah pentadbirannya, angkatan bersenjata Malaysia bertambah kuat dan moden. Usaha membanteras penganas

komunis di hutan dan bandar telah diperhebatkan. Angkatan bersenjata Malaysia telah diperbesar dan dipermoden apatah lagi rantau Asia Tenggara ketika itu gempar ekoran jatuhnya Vietnam Selatan ke tangan komunis dan termasyhurnya cita-cita 'Teori Domino' komunis. Semasa pentadbirannya usaha membanteras pengganas komunis di hutan dan di bandar-bandar semasa tempoh darurat telah diperhebatkan malah golongan yang bersimpati dengan aliran komunis dipulihkan menerusi gerakan-gerakan pengintipan (intelligen) yang berjaya.

Tun Hussein akan sentiasa dikenang sebagai pemimpin yang melayari Malaysia meniti arus pembangunan dengan tekal tanpa banyak kontroversi. Dasar-dasar dan program-program yang diketengahkannya tidak pernah lari dari sasaran Dasar Ekonomi Baru. Walaupun pada masa itu ekonomi negara terjejas oleh kemelesetan ekonomi dunia, Tun Hussein bin Dato' Onn berjaya mengawal keadaan dan membantu Malaysia berkembang dari



segi ekonomi dan sosial. Tun Hussein bin Dato' Onn berjaya melancarkan Rancangan Malaysia yang ke-4 pada bulan April 1981. Seperti bapanya, Tun Hussein bin Dato' Onn sentiasa mencuba meningkatkan taraf hidup masyarakat Melayu yang agak ketinggalan jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain terutamanya dari segi ekonomi.

Dengan itu, pada 20 April 1981, Tun Hussein bin Dato' Onn melancarkan pula Skim Amanah Saham Nasional (ASN) yang merupakan satu **dana** amanah bumiputera yang membantu peningkatan ekuiti bumiputera dalam ekonomi negara.

Keamanan negara yang diperkukuhkannya telah menarik pelabur luar menjadikan Malaysia sebuah negara yang stabil politik dan ekonominya. Dalam soal luar negeri, seperti juga dengan pemimpin-pemimpin sebelumnya, Tun Hussein Onn terus mengadakan perhubungan yang baik antara Malaysia dengan negara-negara luar termasuklah negara-negara barat dan lain-lain anggota ASEAN.

Pada akhir tahun 1977, krisis melanda Kerajaan Kelantan berikutan penyingkiran Datuk Haji Mohamad Nasir sebagai Menteri Besar Kelantan. UMNO telah menunjukkan jalan-jalan kepada PAS bagaimana menyelesaikan krisis itu tetapi tidak dihiraukan oleh pucuk pimpinan PAS. Kerana krisis itu mungkin membawa kepada keadaan huru hara, Tun Hussein Onn telah mengisytiharkan darurat di negeri tersebut. Dalam bulan Mac 1978, satu pilihan raya diadakan bagi negeri Kelantan, yang mengembalikan kerajaan Barisan Nasional setelah 18 tahun berada di tangan parti pembangkang.

Dalam pilihan raya umum yang diadakan pada tahun 1978, Barisan Nasional yang bermanifesto "A man whom you can trust" (Tun Hussein) telah beroleh kejayaan cemerlang dengan 131 kerusi daripada jumlah 154 kerusi Parlimen, di samping menguasai semua kerajaan-kerajaan negeri.

Dalam pergerakan UMNO, Tun Hussein Onn berusaha sedaya upaya mengekalkan perpaduan di kalangan ahli-ahli dan

pemimpin-pemimpin supaya parti dapat menghadapi cabaran-cabaran yang timbul. Selaku seorang yang tegas pendiriannya, beliau telah mengambil beberapa tindakan bagi menghapuskan perbuatan rasuah dalam kerajaan ataupun parti. Di samping itu beliau telah menerima desakan dari ahli-ahli supaya menghapuskan elemen-elemen yang disyaki terlibat dalam kegiatan-kegiatan pro-komunis.

Bagi kemajuan parti, Tun Hussein telah melancarkan Koperasi Usaha Bersatu (KUB) pada bulan Mei 1977. Koperasi ini menerima keahlian daripada kalangan ahli-ahli UMNO dan orang Melayu umumnya dengan tujuan memesatkan lagi penyertaan orang-orang Melayu dalam ekonomi.

Setelah memangku jawatan Presiden selama dua tahun, Tun Hussein dipilih menjadi Presiden UMNO yang ke-4 dalam Perhimpunan Agung UMNO dalam tahun 1978. Beliau telah menewaskan penentangannya, Tuan Haji Sulaiman Palestin dengan memperoleh majoriti yang besar.

Ketika menjadi Perdana Menteri, beliau telah meneruskan agenda pembangunan yang telah digariskan oleh Tun Abdul Razak khususnya dalam menggerakkan 'Dasar Ekonomi Baru'. Dalam tahun 1979, Tun Hussein Onn telah melancarkan Rancangan Malaysia Ke-3 Peringkat Kedua dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Salah satu program di bawah rancangan ini adalah menambahkan peluang orang-orang Melayu dan kaum Bumiputera lain dalam pemilikan modal saham di sektor syarikat. Pada 9 Januari 1981 Tun Hussein telah mengumumkan pindaan Hak Milik Skim Amanah Saham Nasional yang dikendalikan oleh Yayasan Pelaburan Bumiputra. Melalui rancangan ini menunjukkan satu kemajuan telah dicapai dalam usaha kerajaan menuju ke matlamat perpaduan negara dengan menyeimbangkan kedudukan ekonomi antara kaum. Pada bulan April, 1981, beliau telah merasmikan pelancaran Skim Amanah Saham Nasional (ASN) yang kemudiannya mendapat sambutan yang menggalakkan daripada rakyat. Dalam tahun 1981, beliau menghadapi gangguan kesihatan dan telah pergi untuk

mendapatkan rawatan di luar negeri. Walaupun rawatan itu berjaya, beliau merasakan keadaan kesihatannya tidak lagi membenarkan beliau untuk bergerak cergas dalam politik. Oleh itu beliau mengambil keputusan untuk bersara.

Tun Hussein Onn ialah seorang yang amat berhati-hati apabila membuat keputusan yang melibatkan hal ehwal negara. Beliau sangat tegas dan berpegang teguh kepada prinsip hidupnya. Bagi beliau tugasnya ialah berkhidmat untuk negara.

Pengalaman ketenteraan menjadikan beliau seorang yang berdisiplin dan mementingkan ketepatan masa. Beliau memberi kebebasan akhbar dan majalah untuk memberi **kritikan** dan komentar, dengan harapan ini akan meningkatkan prestasi pentadbirannya.

Tun Hussein bin Onn meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri negara pada Julai 1981 atas sebab kesihatan dan diambil alih oleh Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Selepas bersara, beliau telah mengabdikan diri kepada kerja-kerja kebajikan.

Sejak bersara daripada politik, Tun Hussein Onn aktif pula dalam bidang sosial dan lain-lain bagi membantu ke arah pembinaan negara. Apabila Universiti Islam Antarabangsa ditubuhkan beliau dilantik oleh Dato' Seri Dr. Mahathir sebagai presidennya yang pertama. Beliau juga merupakan Pengerusi Institut Kajian Antarabangsa dan Strategik, Penasihat Petronas dan Presiden Persatuan Orang-orang Buta Malaysia. Kini sebuah Hospital Mata telah mengabdikan namanya dan dikenali sebagai Hospital Mata Tun Hussein Onn.

Dalam sejarah, Tun Hussein Onn akan sentiasa dikenang sebagai "Penyambung Warisan Yang Terbilang". Beliau juga dikenali sebagai "Bapa Perpaduan" kerana berjaya memupuk semangat perpaduan kaum yang lebih erat dalam masyarakat Malaysia. Beliau mewarisi kepimpinan UMNO yang pernah disandang oleh ayahandanya. Beliau juga meneruskan program pembangunan yang dijana oleh sahabatnya dan melaksa-

nakannya dengan penuh setia. Beliau mewariskan kerajaan dan UMNO kepada Dr. Mahathir dalam keadaan yang stabil dan kukuh.

Tun Hussein Onn pulang ke Rahmatullah pada 29 Mei 1990 dalam usia 68 tahun di San Francisco, Amerika Syarikat kerana serangan sakit jantung. Allahyarham disemadikan di Makam Pahlawan Masjid Negara.

Glosari

- | | | |
|---|----------|--|
| 1 | ambang | – waktu, saat |
| 2 | tauliah | – perlantikan sebagai wakil |
| 3 | operasi | – kegiatan |
| 4 | dana | – tabung kewangan untuk sesuatu tujuan |
| 5 | kritikan | – ulasan, kecaman |

A Susun dan nomborkan pernyataan berikut mengikut urutan cerita.

- 1 Tun Hussein Onn mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ketiga pada 15 Januari 1976.
- 2 Tun Hussein Onn dilahirkan di Johor Bahru pada 1922.
- 3 Beliau meletak jawatan sebagai Perdana Menteri atas sebab kesihatan pada tahun 1981.
- 4 Beliau aktif dalam perang di Mesir bermula pada tahun 1942.
- 5 Beliau meninggal dunia pada 1990 dan disemadikan di Makam Pahlawan Masjid Negara.
- 6 Beliau meninggalkan alam politik dan melanjutkan pelajarannya di England.

B Pilih kata sinonim yang betul.

- 1 penubuhan
A pendirian B pembentukan C perkhidmatan
- 2 krisis
A perselisihan B persefahaman C persahabatan
- 3 perwira
A pegawai B perajurit C agung
- 4 kontroversi
A perjuangan B prestasi C pertelingkahan
- 5 stabil
A kukuh B seimbang C sejajar

C Pilih kata antonim yang betul.

- 1 sulung
A tua B bongsu C muda
- 2 lulus
A kandas B berjaya C pujian
- 3 membantu
A menolong B menyekat C menyetujui
- 4 membanteras
A menghapuskan B membiarkan C mewujudkan
- 5 erat
A rapuh B cergas C longgar

D Tanda (✓) bagi pernyataan yang betul dan (✗) bagi pernyataan yang salah.

- 1 Tun Hussein Onn ialah anak kepada Dato' Onn bin Jaafar. ()
- 2 Tun Hussein Onn dipinjamkan ke unit pengambilan orang-orang baru untuk melatih para pejuang untuk bekerjasama dengan tentera Jepun. ()

- 3 Pada tahun 1951, Tun Hussein Onn dilantik sebagai ahli Majlis Mesyuarat Persekutuan. ()
- 4 Pada tahun 1978 Tun Hussein Onn mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ketiga di Istana Negara. ()
- 5 Tun Hussein Onn meninggal dunia kerana serangan sakit jantung. ()



Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad merupakan Perdana Menteri Malaysia yang keempat. Beliau dilahirkan pada 20 Disember 1925 di Lorong Kilang Ais, Seberang Perak, Alor Setar, Kedah. Beliau diberi nama Mahathir kerana ibu bapanya mahu beliau menjadi seorang yang realisme.

Persekolahannya bermula di Sekolah Melayu Laki-laki Seberang Perak, Kedah. Kemudian beliau menyambung pendidikannya ke Sekolah Inggeris Alor Setar (kini Maktab Sultan Abdul Hamid) di mana ayahandanya, Encik Mohamad bin Iskandar ialah guru besar yang pertama di sekolah itu.

Ibunya Wan Tempayan binti Wan Hanafi adalah keturunan Wan Mat Saman, Menteri Besar Kedah yang membina terusan Wan Mat Saman.

Encik Mohamad Iskandar adalah anak Melayu pertama yang menjadi guru besar sebuah sekolah Inggeris pada tahun 1908. Beliau adalah seorang yang tegas dan menitikberatkan prestasi pendidikan yang tinggi di kalangan anak-anaknya. Sejak kecil Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dikatakan sebagai seorang yang pasti akan jalan tujuhnya dan cara mencapai matlamat. Secara semula jadi beliau merupakan seorang yang rajin dan mempunyai tekad untuk berjaya dalam apa jua bidang yang diceburinya.

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad bersekolah di Sekolah Melayu Seberang Perak sebelum memasuki Sekolah Inggeris Kerajaan di Alor Setar yang kini dikenali sebagai Kolej Sultan Abdul Halim.

Semasa Jepun memerintah Malaya, persekolahannya tergendala dan beliau **berkecimpung** dalam perniagaan gerai kopi serta menjual buah-buahan dan barangan kraf tangan di Pekan Rabu, Alor Setar, Kedah. Setelah tamat Perang Dunia Kedua, beliau menyambung pelajarannya sehingga Senior Cambridge. Beliau kemudian melanjutkan pengajian di King Edward VII College of Medicine, Universiti Malaya, Singapura.

Pengalaman berniaga yang dilalui menyedarkan beliau betapa perlunya kemahiran berniaga untuk meninggikan taraf hidup kaum Melayu. Inilah yang mendorong Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad menceburi bidang politik apabila beliau masih di bangku sekolah.

Ketika zaman persekolahan lagi Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad menentang Malayan Union dengan lantang dan menubuhkan Kesatuan Melayu Kedah serta Kesatuan Pemuda Melayu Kedah. Pada tahun 1946, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad merupakan salah seorang ahli UMNO yang awal dengan kemasukan Kesatuan Melayu Kedah ke dalam UMNO.


Dr. Mahathir sejak mudanya ialah seorang yang rajin menulis. Dengan nama pena "Che Det" beliau banyak menulis tentang

kisah-kisah yang melanda masyarakat Melayu yang tersiar dalam akhbar- akhbar tempatan. Bakat kepimpinannya terserlah semasa menuntut lagi apabila beliau dilantik sebagai Presiden Penubuhan Islam, Kolej Kedoktoran.

Beliau sering mengikuti perdebatan serta forum dan tidak segan silu menyatakan pendapatnya yang sebenar. Pada tahun 1952 beliau lulus dengan Ijazah Perubatan MBBS. Penglibatan politiknya bermula pada tahun 1945 apabila beliau menganggotai SABERKAS. Pada tahun 1946 beliau menyertai Kesatuan Melayu Kedah.

Apabila Kongres Melayu SeMalaya diadakan pada tahun itu, beliau turut sama dalam peristiwa bersejarah itu dan merupakan salah seorang pengasas UMNO. Pada penghujung 1957 beliau bersama isterinya Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd Ali yang merupakan rakan sekelasnya semasa di Singapura telah menubuhkan Maha Klinik di Alor Setar, Kedah.

Semenjak terbangun, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad menjadi 'pemberontak' dalam buangan dan menghasilkan buku 'The Malay Dilemma' yang telah diharamkan pada masa itu.



Dalam buku itu, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad banyak membidas sikap fatalisme masyarakat Melayu yang menyalahkan takdir dan menerima kekalahan dengan pasif.

Penglibatannya secara aktif dalam politik bermula pada tahun 1964 apabila beliau dipilih sebagai ahli Parlimen setelah memenangi kerusi kawasan Kota Setar Selatan di atas tiket Perikatan. Namun dalam pilihan raya umum berikutnya pada tahun 1969 beliau tewas di kawasan yang sama kepada calon PAS. Selepas tragedi 13 Mei 1969 beliau telah **disingkirkan** dari UMNO kerana lantang mengkritik Tunku.

Karier politiknya bagaimanapun menyinar kembali apabila beliau diterima kembali ke dalam UMNO pada tahun 1972 setelah Tun Abdul Razak menjadi Presiden UMNO. Pada tahun yang sama beliau memenangi kerusi ahli Majlis Tertinggi UMNO dengan undi tertinggi. Beliau dilantik sebagai senator pada tahun 1973 dan kemudiannya sebagai Menteri Pelajaran pada tahun 1974 di dalam kabinet Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia kedua.

Pada tahun 1975 beliau memenangi kerusi Naib Presiden UMNO. Tun Razak melantik Dr. Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Pada 16 Julai 1981, Dr. Mahathir mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keempat.

Dr. Mahathir ialah seorang pemikir. Di bawah pentadbirannya, negara telah melalui satu proses transformasi yang tidak pernah digambarkan sebelum ini. Beliau mahu Malaysia menjadi sebuah negara maju dan rakyatnya mampu bersaing di peringkat dunia. Hasratnya dijelaskan dalam Wawasan 2020 yang beliau nyatakan pada 28 Februari 1991 dengan tujuan " Ke arah pembentukan sebuah negara yang benar-benar maju dalam segala bidang secara seimbang meliputi ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologi dan kebudayaan".

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad memperkenalkan konsep Persyarikatan Malaysia. Malaysia diandaikan sebagai

sebuah syarikat dan rakyat adalah pekerja dan pemegang saham. Ini meningkatkan lagi prestasi pekerjaan, pendapatan serta imej negara. Antara langkah ke arah mencapai sistem ekonomi perindustrian ini adalah pembangunan sektor industri berat. Salah satu kejayaan industri ini ialah pengeluaran kereta nasional yang kini merupakan kereta yang paling laris di Malaysia (kereta import dikenakan cukai 100%). Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad juga meningkatkan penyertaan bumiputera dalam pemilikan saham sektor perusahaan dan perdagangan dengan penubuhan Permodalan Nasional Berhad (PNB) dana Amanah Saham Nasional serta Amanah Saham Bumiputera. Harapan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad adalah menjadikan Malaysia sebuah negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020.

Wawasan 2020 ialah satu cita-cita. Bagaikan seorang artis, beliau mengeluarkan satu falsafah yang murni yang kemudiannya disusuli dengan kecekapan pelaksanaan. Matlamatnya ialah pembangunan yang berwajahkan kemanusiaan dengan suasana yang seimbang.

Sejak dilantik sebagai Perdana Menteri, beliau tidak pernah letih memperkenalkan perubahan. Langkah awalnya setelah menjadi Perdana Menteri ialah memperkemas jentera kerajaan dengan menggerakkan kempen " Bersih – Cekap – Amanah" dan " Kepimpinan melalui teladan" ke arah **menerapkan** nilai bertanggungjawab dan etika murni di kalangan kakitangan awam khususnya dan masyarakat amnya.

Beliau juga menampilkan "Dasar Kependudukan 70 Juta" ke arah menjadikan Malaysia yang mempunyai pasaran dalam negara yang mampu menyokong pengeluarannya. Kempen peningkatan "Daya Pengeluaran Negara" dan dasar "Penerapan Nilai-nilai Islam" juga dianjurkan sebagai satu cara memasukkan budaya kerja yang selari dengan ajaran Islam.

Dr. Mahathir ialah seorang yang menjaga waktunya, kerana

itu beliau telah menukar waktu negara dengan mempercepatkan setengah jam di Semenanjung agar selaras dengan Sabah dan Sarawak sebagai satu usaha integrasi nasional. Dalam proses itu Singapura telah diyakinkan untuk turut serta. Beliau tidak pernah gentar dengan kontroversi.

Beliau kemudiannya memperkenalkan "Dasar Pandang ke Timur" dengan menjadikan budaya kerja masyarakat Jepun dan Korea sebagai suatu yang harus diteladani oleh rakyat demi meningkatkan produktiviti dan menyemai etika kerja profesional. Rancangan penswastan mula diperkenalkan pada tahun 1983 sebagai satu usaha mengurangkan beban kewangan kerajaan dalam membuat projek-projek pembangunan.

Penswastan terhadap kerajaan juga digerakkan agar organisasi yang diswastakan lebih teratur. Penswastan melibatkan pemindahan kuasa kawalan, kepentingan syarikat dan pelaburan kerajaan yang tertentu kepada sektor swasta. Penswastan terhadap industri perkhidmatan juga diperkenalkan demi mempertingkatkan mutu khidmat kemudahan awam supaya lebih selesa.

Sealiran dengan dasar itu beliau menampilkan "Dasar Pensyarikatan Malaysia" yang bertujuan membuat kerjasama antara sektor awam dan swasta agar kedua-duanya bekerja sebagai rakan kongsi dalam pembangunan Planetarium Negara yang dilancarkan pada tahun 1994.

Malaysia juga mengalami pembangunan kemudahan yang luar biasa pesatnya di bawah pimpinan Dr. Mahathir. Projek lebuh raya menghubungkan Utara-Selatan dan Timur-Barat Semenanjung telah menjadikan Malaysia negara yang dikagumi. Dalam usaha ke arah membina negara maju proses industrialisasi ialah sesuatu yang wajib.

Beliau juga telah melancarkan "Dasar Perindustrian Negara" yang bertujuan membawa kegiatan ekonomi Malaysia kepada eksport barangan industri demi mengurangkan pergantungan ekonomi terhadap **komoditi** dan seterusnya mempertingkatkan

teknologi negara melalui pemindahan teknologi. Melalui dasar ini HICOM, Perwaja dan beberapa kilang berkapasiti tinggi telah diwujudkan. Hasil dasar ini maka lahirlah kereta nasional 'Proton Saga'. Sejak itu Malaysia menjadi pemain yang aktif dalam industri otomobil dengan mengeluarkan van 'Rusa' dan motosikal 'Kriss' dan menjadi pengeksport kereta yang berdaya maju.

Tidak cukup dengan membuat kereta, beliau juga menggerakkan projek litar Formula 1 yang menjadikan Malaysia salah satu destinasi grand prix dunia. Negara juga menaja pasukan Formula 1 Stewart. Pada tahun 1993 Malaysia terlibat dalam bidang pengeluaran pesawat terbang ringan 'Eagles X-TS'.

Beliau mengasaskan Pusat Kajian Sains Angkasa Lepas dan impiannya terserlah dengan terbinanya Planetarium Negara. Malaysia melangkah ke era pengangkutan berteknologi tinggi apabila transit aliran ringan (LRT) diperkenalkan di Kuala Lumpur.

Pada September 1996, kerajaan telah mengumumkan pembinaan bandar raya pentadbiran persekutuan 'Putrajaya' sebuah bandar pentadbiran **terancang** mempunyai falsafah murni ke arah mempertingkatkan produktiviti pentadbiran awam negara dan seterusnya mewujudkan "Kerajaan Elektronik".

Pada tahun 1996, Dr. Mahathir melihat satu lagi impiannya menjadi kenyataan apabila struktur tertinggi di Malaysia menjadi kenyataan. Menara Kuala Lumpur yang menempatkan pusat transmisi TV dan telefon selular merupakan menara konkrit yang tertinggi di dunia dan semestinya mercu tanda ibu kota yang paling bergaya dengan ketinggian 451.9 meter. Menara ini juga menara telekomunikasi yang ketiga tertinggi di dunia.

Rekod Malaysia tidak bernoktah di situ sahaja. Dr. Mahathir juga mengilhamkan 'Kuala Lumpur City Centre (KLCC)' yakni projek hartanah yang terbesar di dunia dengan nilai RM2 bilion. Bangunan ini merupakan bangunan tertinggi di dunia dengan 88 tingkat menara berkembar di atas lokasi seluas 40 hektar. Meskipun beberapa sudut dunia bakal menampilkan bangunan

yang lebih tinggi, namun rekod ini akan kekal sebagai menara 'berkembar' yang tertinggi di dunia bagi abad kedua puluh dan juga untuk beberapa tahun yang akan datang.

Malaysia pada tahun 2002 dijangka mempunyai sebuah empayar hidroelektrik baru iaitu Empangan Bakun, sebuah projek mega yang bernilai RM20 bilion di Sarawak. Tidak syak lagi, projek ini yang telah diisytiharkan sebagai 'projek negara' merupakan projek prasarana yang terbesar di Malaysia dan bakal di peta sebagai empangan yang terbesar di Asia. Menyedari bahawa industri penerbangan awam bukan hanya memerlukan pesawat terbang canggih tetapi juga lapangan terbang yang serba boleh, Dr. Mahathir telah menukar kawasan ladang di Sepang kepada tapak Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Lapangan terbang ini tampil sebagai yang terancang di rantau ini dengan nilai RM9 bilion. Ia dapat menampung perjalanan 100 juta penumpang setahun dan pastinya menjadikan Penerbangan Malaysia (MAS) antara yang paling kompetitif di dunia. Semua orang tahu Dr. Mahathir mempunyai komputer di pejabatnya, tetapi tiada siapa yang sangka bahawa beliau akan meletakkan paksi dunia komputer di Malaysia.

Pada tahun 1997, Dr. Mahathir memperkenalkan "Koridor Raya Multimedia (MSC)" yang akan menjadikan Malaysia pusat eksperimen pembangunan kemudahan multimedia yang terunggul di dunia. MSC menggabungkan semua kawasan industri teknologi maklumat dalam sebuah suasana yang khusus buatnya.

Dr. Mahathir juga memberikan penekanan kepada pembangunan akademik. Malaysia kini menjadi tumpuan bukan sahaja kepada pelajar luar yang datang menimba ilmu tetapi juga kepada universiti-universiti luar yang datang untuk menyebarkan ilmu sama ada dengan membuka cawangan atau mengadakan program berkembar di sini. Dasar liberalisasi pendidikan yang dilaksanakan ini bakal mencorakkan Malaysia sebagai pusat pendidikan tinggi di rantau Asia Tenggara. Tidak setakat

pendidikan tinggi, konsep kecemerlangan pendidikan juga akan diterapkan ke peringkat sekolah dengan memperkenalkan 'sekolah bestari' (smart school) yang beroperasi penuh pada tahun 2000.

Dr. Mahathir bukan hanya berusaha membangunkan Malaysia tetapi juga berusaha membangunkan negara-negara dunia ketiga yang lain. Beliau menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia melabur ke negara-negara yang memerlukan pelaburan serta menghulurkan bantuan teknikal kepada negara-negara yang ketandusan kepakaran. Kini Malaysia merupakan pelabur terbesar Kemboja dengan RM1 bilion. Yang kedua terbesar di Vietnam dengan nilai pelaburan berjumlah RM559 juta di samping membuat kehadirannya sangat dirasai di Myanmar, Afrika Selatan, Zimbabwe dan Maldives.

Tidak kira apa gagasannya sama ada negara membangun, negara dunia ketiga mahupun negara kecil atau negara miskin, beliau dengan berani menyuarakan masalah mereka dalam forum-forum antarabangsa serta mengecam negara-negara maju yang tidak ikhlas membantu malah menindas dengan prejudis.

Pandangannya yang kritis tetapi nyata telah menjadikan beliau jurucakap negara-negara dunia ketiga dan pembela negara Islam yang tekal. Malaysia mampu berbuat demikian kerana Malaysia "merdeka" bukan sahaja dari segi politik tetapi juga ekonomi dan yang lebih penting adalah dari segi rohaninya.

Dr. Mahathir Mohamad kini dianggap sebagai seorang pemimpin dunia yang berjaya meskipun memimpin sebuah negara yang kecil. Rakyat hari ini tidak akan lupa kepada Dr. Mahathir kerana Wawasan 2020nya. Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang keempat merupakan "Pencetus Malaysia Negara Maju".

Dr. Mahathir Mohamad akhirnya meletakkan jawatannya sebagai Perdana Menteri keempat pada 31 Oktober 2003 dan digantikan oleh Dato' Seri Abdullah Ahmad Badwi. Dr. Mahathir Mohamad telah dinobatkan sebagai Bapa Pemodenan kerana

jasa-jasa beliau yang membawa negara Malaysia ke mercu kemodenan dan dikenali di mata dunia.

Glosari

- 1 berkecimpung – bergiat
- 2 disingkirkan – dikeluarkan
- 3 menerapkan – menyerapkan, menyemai
- 4 komoditi – barangan
- 5 terancang – sistematik, teratur

A Susun dan nomborkan pernyataan berikut mengikut urutan cerita.

- 1 Semasa Jepun memerintah Malaya, Dato' Seri Dr. Mahathir terlibat dalam perniagaan gerai kopi.
- 2 Beliau bersama isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah menubuhkan Maha Klinik pada 1957.
- 3 Beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia yang keempat pada Julai 1981.
- 4 Dr. Mahathir mendapat pendidikan perubatan di Singapura sebelum merdeka.
- 5 Beliau mengemukakan Wawasan 2020 untuk pembangunan negara.
- 6 Dato' Seri Dr. Mahathir dilahirkan pada 1925.

B Pilih kata sinonim yang betul.

- 1 peristiwa
A kejadian B keadaan C kempen
- 2 lantang
A bising B kuat C jeritan
- 3 transformasi
A pembentukan B penubuhan C perubahan

- 4 etika
 A pelaksanaan B prinsip C dasar
- 5 produktiviti
 A hasil B eksport C jualan

C Pilih kata antonim yang betul.

- 1 tempatan
 A negara B dalaman C asing
- 2 swasta
 A awam B persendirian C syarikat
- 3 eksport
 A barangan B saham C import
- 4 murni
 A caci B suci C dosa
- 5 menggabungkan
 A menceraikan B memisahkan C mencetuskan

D Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (x) bagi pernyataan yang salah.

- 1 Semasa masih muda, Dr. Mahathir pernah menjual pisang goreng. ()
- 2 Dr. Mahathir ialah seorang pemimpin yang berdisiplin dari segi ketepatan masa. ()
- 3 Dr. Mahathir pernah bertugas sebagai pegawai perubatan sebelum berkecimpung dalam politik. ()
- 4 Dr. Mahathir digelar sebagai Bapa Kemerdekaan Malaysia kerana cadangan "Wawasan 2020"nya. ()
- 5 Ayah Dr. Mahathir ialah seorang guru besar. ()

